

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

30 peratus dijangkiti Omicron alami kesan jangka panjang

Varian baharu
kurang ganas
tetapi mudah
berjangkit
dengan cepat

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

Kuala Lumpur: Penularan varian Omicron perlu dibendung kerana dikekuatir berapaya mencetuskan risiko 'long COVID-19' atau kesan kesihatan berpanjangan antara 20 hingga 30 peratus terhadap individu dijangkiti.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, ketika mengutarakan kebimbangan sedemikian berkata, Omicron sememangnya dilaporkan kurang ganas (atau virulens) berbanding varian sebelum ini seperti Delta.

Bagaimanapun, katanya, varian yang berasal dari Afrika Selatan itu mempunyai kemampuan untuk menjangkiti lebih ramai individu dalam tempoh singkat. "Walaupun tiada gejala atau mengalami gejala ringan, virus ini boleh sebabkan kesan long COVID-19 antara 20 hingga 30 peratus.

"Mereka yang rentan lebih berisiko untuk masuk ke hospital dan unit rawatan rapi (ICU). Ini yang kita bimbang juga.

"Kita perlu banyak data semasa untuk menilai kesan impak varian Omicron ini," katanya kepada BH.

Omicron yang dilaporkan kepada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 24 November tahun lalu kini dikesan di sekurang-kurangnya tujuh negeri di Malaysia, iaitu Selangor, Kedah, Pulau Pinang, Johor, Pahang, Sarawak dan Sabah.

Hasil saringan dan pengesanan lanjut menerusi ujian jujukan penuh (WGS), Malaysia setakat kelmarin merekodkan 64 kes Omicron serta lima kluster memabikan varian berkenaan, selain 35 kontak rapat di 12 daerah.

Sementara itu, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata kerajaan berusaha memperlahankan gelombang penularan jangkitan COVID-19 menerusi varian Omicron bagi menangani risiko sistem kesihatan awam menjadi lumpuh.

jadi lumpuh.

Untuk tujuan itu, katanya, Malaysia meletakkan sandaran kepada beberapa 'perisai' ampuh seperti memperluaskan liputan dos penggalak, pemakaian pelitup muka dan sistem pengudaraan yang baik.

"TRIS iaitu ujian, lapor, mengasingkan, maldumkan, dapatkan), MySJ Trace dan kawalan pintu masuk antarabangsa juga antara langkah yang diambil kerajaan," katanya menerusi kenyataan di Twitter, semalam.

Mengenai pertikaian orang ramai berhubung kajian keperluan dos keempat, Khairy berkata, vaksin COVID-19 dibangunkan ketika tiada varian Delta atau Omicron.

"SARS-CoV2 adalah 'novel' coronavirus, iaitu virus baharu yang pasti akan melalui mutasi. Apabila kita lebih tahu kesan mutasi, tindak balas kita perlu juga berubah.

"Yang penting, tindak balas kita ikut data yang baharu. Ini yang dimaksudkan tindak balas berteraskan bukti sahah," katanya.

Mereka yang rentan lebih berisiko untuk masuk ke hospital dan unit rawatan rapi (ICU). Ini yang kita bimbang juga

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan



Jangkitan menurun, 2,882 kes positif baharu direkodkan

Putrajaya: Sebanyak 2,882 kes positif baharu COVID-19 direkodkan semalam, pengurangan ketara berbanding 3,386 kes sehari sebelumnya.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata ia menjadikan jumlah kumulatif kes COVID-19 di negara ini mencecah 2,764,354 kes.

Sementara itu, sebanyak 26 kematian akibat COVID-19 direkodkan semalam, berbanding 25 kes, kelmarin.

Jumlah kematian tertinggi semalam dicatatkan di Selangor dengan 10 kes, diikuti lima kes di Pulau Pinang, Perak (tiga), Terengganu (tiga) dan masing-masing satu kes di Johor, Kedah, Pahang serta Sabah.

Selain itu, seramai 22,859,803 individu atau 97.7 peratus populasi dewasa di negara ini sudah menerima suntikan lengkap vaksin COVID-19, setakat 11.59 malam kelmarin.

Berdasarkan data Kementerian Kesihatan (KKM) melalui laman COVIDNOW, seramai 23,151,949 individu dewasa atau 98.9 peratus daripada golongan itu sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi populasi remaja berusia 12 tahun hingga 17 tahun, sejumlah 87.6 peratus atau 2,756,306 orang sudah menerima dos lengkap, manakala 2,847,794 atau 90.5 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin COVID-19.

'Dos penggalak bantu elak jangkitan Fluorona'

Kuala Lumpur: Kes jangkitan Fluorona berkemungkinan melanda Malaysia khususnya memabikan golongan rentan dan yang mempunyai komorbid sekiranya tiada usaha pembendungan secara menyeluruh.

Fluorona adalah istilah baharu yang merujuk kepada jangkitan berganda daripada virus COVID-19 dan Influenza atau komplikasi kesihatan terhadap salur pernafasan.

Pakar epidemiologi dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Malina Osman, berkata kes jangkitan Influenza yang menyebabkan seseorang mengalami gejala seperti selesema, demam, sakit tekak, batuk, sakit kepala dan kesukaran bernafas sudah menjadi suatu kelaziman di

negara beriklim sejuk.

Bagaimanapun, katanya, kesan perubahan iklim dan peralihan Monsun Timur Laut di Malaysia juga berupaya mengundang risiko jangkitan sama, khususnya terhadap individu dengan sistem pertahanan badan yang lemah.

"Kalau ada jangkitan berganda, yang lazimnya terkesan dan berdepan risiko ialah golongan rentan, warga emas serta mempunyai komorbid.

"Memang ada diberikan vaksin Influenza setiap tahun, terutama kepada golongan berisiko tetapi ia atas usaha ma-

sing-masing juga.

"Justeru, memang ada kemungkinan Fluorona boleh terjadi di Malaysia, justeru kita perlu ambil langkah penyelesaian segera dengan memperluaskan liputan dos penggalak dan mendekati golongan tertentu yang belum mengambil pelalian primer.

"Faktor penyusutan tahap perlindungan imunisasi selepas beberapa tempoh juga harus diambil kira dalam usaha membendung jangkitan Fluorona di Malaysia," katanya kepada BH, semalam.



Dr Malina Osman

Kes pertama Fluorona dilaporkan berlaku di Israel, memabikan seorang wanita hamil dan tidak mempunyai sebarang rekod pengambilan suntikan vaksin.

Pakar virologi dari Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Madya Dr Yahya Mat Arip, yang mengutarakan pendapat berbeza pula berkata virus mempunyai sifat 'menjaga kawasan' dan sangat dominan terhadap perumah.

Susulan itu, katanya, keberangkalian jangkitan berganda lazimnya amat tipis, memandangkan virus yang lebih dominan akan cuba menyingkirkan pesaing atau virus lain daripada sistem tubuh badan perumah.

"Jika seseorang dijangkiti dua virus dalam masa yang sama, ia

akan berlawan sesama sendiri dan hanya virus dominan saja dapat kekal dalam perumah.

"Ini yang disebutkan virus interference (gangguan virus), tetapi kes ini masih baharu dan tidak banyak perincian lanjut berupaya diperolehi untuk penelitian lanjut.

"Secara peribadi, kes sebegini juga mungkin boleh menjadi hikmah tersembunyi apabila bersandarkan sifat semula jadi virus, COVID-19 akan disingkirkan oleh Influenza.

"Bagaimanapun, lebih baik untuk kita tunggu butiran seterusnya berhubung kes ini untuk sahkan penelitian awal, sama ada ia masih kekal dengan sifat semula jadi virus atau sebaliknya," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : NASIONAL

30 peratus jemaah batal pakej umrah

Keputusan kerana bimbang penularan varian Omicron, masalah penambahan kos

Oleh Rohaniza Idris
 roha@bhi.com.my

Kuala Lumpur: Kira-kira 30 peratus jemaah umrah yang akan berlepas ke Tanah Suci sebelum 8 Januari membatalkan pakej percutian mereka.

Selain bimbang penularan varian Omicron COVID-19, ada yang membatalkan umrah kerana masalah penambahan kos apabila syarat baharu menetapkan jemaah perlu dikuarantin di pusat kuarantin ditetapkan kerajaan.

Ketua Pegawai Eksekutif KRS Travel Sdn Bhd, Mohamad Ssunaibari Mohd Khalib, berkata 30 peratus daripada kira-kira 800 jemaah yang mengambil pakej umrah syarikatnya dan dijangka berangkat mulai esok sudah membatalkan niat mereka.

Katanya, selain bimbang dengan penularan varian Omicron, ada yang menyatakan mereka tidak mampu membayar kos tambahan pakej umrah.

"Difahamkan kos untuk kuarantin adalah antara RM100 hingga RM350 semalam untuk seorang dan jika dikira untuk tujuh hari maka kosnya antara RM700 hingga RM2,450 seorang jemaah.

"Pada masa ini, kami belum menerima maklumat lanjut daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN) berhubung penang-

guhan kebenaran umrah ini, namun kita jangka memang akan membabitkan pertambahan kos," katanya kepada BH.

Kelmarin, kerajaan menangguhkan kebenaran mengerjakan umrah bermula 8 Januari bagi membendung penularan varian Omicron.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, dilaporkan berkata, ia susulan kebimbangan penularan varian berkenaan akibat ketidakpatuhan jemaah umrah kepada prosedur kuarantin di kediaman masing-masing menyebabkan berlakunya jangkitan dalam kalangan ahli keluarga.

Mohamad Ssunaibari menjelaskan pihaknya akur dengan keputusan kerajaan tetapi terpaksa menanggung kerugian.

Katanya, selain kos untuk kuarantin, juga dibimbangi mengenai kos visa umrah.

"Visa ini biasanya diberikan tempoh sebulan sah lakunya dan ada bayaran dikenakan. Maka jika ditangguhkan dan tidak diberikan tempoh masa kita bimbang visa ini tamat tempoh dan perlu diperbaharui.

"Kita terpaksa caj jemaah kos

visa umrah ini dan pastinya ini akan membebaskan mereka," katanya.

Sehubungan itu beliau mengesahkan MKN segera memberikan maklumat lanjut berhubung penangguhan itu bagi memudahkan urusan berkaitan terutama visa umrah yang perlu dipohon lebih awal.

"Bagi syarikat besar mungkin tidak ada masalah, namun sukar bagi syarikat kecil dan baharu kerana mereka baru memulakan operasi dua bulan ini.

"Maklumat kos kuarantin juga perlu diberitahu dengan segera untuk memudahkan urusan bagi jemaah yang akan pulang ke tanah air," katanya.

Sementara itu, pengusaha syarikat pelancongan yang mahu dikenali sebagai Hatem berkata, penangguhan secara mendadak itu adalah satu berita sedih buat syarikatnya yang baru dua bulan beroperasi kembali.

Katanya, banyak kerugian yang ditanggung sedangkan bayaran untuk visa, penginapan dan pengangkutan di Tanah Suci sudah pun dibayar kepada ejen di Arab Saudi.



Kos tambahan untuk kuarantin antara faktor jemaah membatalkan pakej umrah. (Foto hiasan)



Asiah terpaksa menanggung hasrat untuk mengerjakan umrah selepas mengetahui berita itu, kelmarin. (Foto Hidayatidayu Razali / BH)

Sedih niat ke Makkah belum kesampaian

Bachok: Penangguhan umrah buat sementara waktu oleh kerajaan kelmarin, nyata memberi kesedihan kepada seorang ibu tunggal dari Kampung Jennerak Tawang, di sini.

Asiah Mat Zain, 57, berkata sebaik mengetahui berita itu kira-kira jam 10 pagi kelmarin, dia berasa hiba dan hanya mampu menangis serta tidak dapat melepaskan mata.

"Dari pagi hingga ke malam, saya hanya mengenangkan mengenang penangguhan itu dan setiap kali orang datang bertanya saya akan menangis.

"Namun, anak-anak, ahli keluarga memberi sokongan dan memujuk saya supaya bersabar dengan ujian itu kerana mempunyai banyak hikmah yang tersembunyi. Saya sepatutnya berlepas ke Makkah untuk menunaikan ibadah umrah pada 17 hingga 28 Januari ini dengan ditemani adik, Raziah, 55.

"Namun, impian untuk ke sana terpaksa ditangguhkan kerana penularan COVID-19. Walaupun ia menyedihkan, saya reda demi keselamatan dan kesihatan diri memandangkan mempunyai beberapa penyakit seperti darah tinggi, kencing manis dan saraf," katanya ketika ditemui di rumahnya, semalam.

Ibu kepada lima anak itu berkata, dia sudah membuat persiapan sejak awal November lalu, termasuk membeli bara-

ngan kelengkapan untuk ke Makkah.

"Saya juga sudah mengambil suntikan dos penggalak COVID-19 sebagai persediaan menunaikan umrah serta sudah habis kursus (umrah) secara dalam talian.

"Sebaik mengetahui sempadan dibuka dan rakyat Malaysia dibenarkan menunaikan umrah, adik saya yang bersejua menaja terus membuat bayaran pakej berjumlah lebih RM9,000.

"Saya teruja dan gembira untuk ke Makkah memandangkan ia adalah kali pertama dan sudah dirancang lebih dua tahun lalu iaitu sebelum wabak COVID-19 melanda dunia.

"Namun, kali ini lebih sedih kerana saya sekali lagi perlu menangguhkan untuk ke sana kerana COVID-19 yang merebak, selain berharap ia (penangguhan) hanyalah sementara dan dapat menunaikan umrah sebelum Aidilfitri nanti," katanya.

Kerajaan menangguhkan ibadah umrah buat sementara waktu berkuat kuasa 8 Januari ini berikutan penularan jangkitan Omicron.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, ketika mengumumkan keputusan itu berkata larangan berkenaan akan kekal berkuat kuasa sehingga tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

'Ketat SOP, usah tangguh'

Dari Muka 1

"Justeru, PAPUH dan agensi pelancongan yang mengendalikan umrah meminta kerajaan supaya menarik semula penangguhan perjalanan umrah yang diumumkan semalam (kelmarin)," katanya.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, ketika mengumumkan keputusan itu berkata larangan berkenaan akan kekal berkuat kuasa sehingga tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

Katanya, tempahan tiket penerbangan perjalanan umrah yang baharu ditangguhkan berkuat

kuasa kelmarin.

Berikutan pengumuman itu, PAPUH, Persatuan Syarikat Pengendalian Pelancongan Bumiputera Malaysia (BUMIPUTRA) dan Persatuan Ejen-ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA) memohon penangguhan itu ditarik semula.

Ketiga-tiga persatuan itu mendakwa, tindakan kerajaan dilihat terlalu tergesa-gesa dan memberi kesan besar kepada jemaah umrah serta sektor pelancongan yang terbabit.

Penangguhan itu juga menyebabkan kerugian wang yang besar serta kos pembatalan yang

tinggi kepada jemaah rakyat negara ini.

Razali berkata, kerajaan diminta melaksanakan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat dengan menetapkan syarat kuarantin di stesen kuarantin atau hotel terpilih.

"Kos untuk kuarantin boleh dikenakan kepada jemaah.

"Langkah ini lebih praktikal berbanding penangguhan sementara mengerjakan umrah. Jemaah dapat mengerjakan umrah, agensi pelancongan tidak menanggung kerugian besar dan penularan wabak dapat dibendung," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : COVID-19

10,000 JEMAAH UMRAH SUDAH BERDAFTAR

Agensi tanggung rugi RM60j

Oleh Muhaamad Hafis
Nawawi
mhafis@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Keputusan menangguhkan ibadat umrah berkuat kuasa 8 Januari ini berikutan penularan varian Omicron Covid-19 memberi impak besar kepada agensi pelancongan umrah dan haji yang terpaksa menanggung kerugian RM60 juta dalam tempoh sebulan ini.

Presiden Persatuan Agensi Pelancongan Umrah dan Haji (Papuh) Datuk Seri Razali Mohd Sham berkata, setakat ini seramai 10,000 jemaah sudah berdaftar untuk menunaikan umrah bermula bulan ini dan agensi terbabit bakal menanggung kerugian RM60 juta apabila mereka ini tidak dapat me-

nunaikan umrah.

Menurutnya, jika ia berlanjutan lagi dalam tempoh tiga bulan, jumlah kerugian akan meningkat sehingga RM200 juta dan sebab itu Papuh meminta kerajaan menunda keputusan itu bagi tempoh sebulan lagi.

"Jika boleh Papuh harap kerajaan dapat menunda keputusan (penangguhan ibadat umrah) itu dan membenarkan orang ramai menunaikan ibadat umrah bagi tempoh sebulan lagi.

"Namun, dalam masa kawalan prosedur operasi standard (SOP) perlu diperketatkan kepada jemaah yang pulang dari mengerjakan umrah, mereka perlu terus dikuarantin di pusat kuarantin dan hotel terpilih yang dijadikan tempat kuarantin," katanya.

Razali berkata, keputusan menangguhkan ibadat umrah

dalam tempoh terdekat ini memberi masalah kepada agensi yang menguruskan ibadat itu kerana persediaan 10,000 jemaah berdaftar sudah dilakukan.

"Selepas sebulan ini kita lihat kesannya (menunda penangguhan ibadat umrah).

"Jika penularan jangkitan dapat kita kawal, maka tidak jadi masalah untuk aktiviti umrah ini boleh diteruskan seperti biasa dengan penambahan SOP ketat ini, tetapi jika masih menular maka kita akur untuk kerajaan menangguhkan ibadat umrah," katanya.

Sementara itu, petugas media, Ahmad Lukman Jafar yang sepatutnya mengerjakan umrah pada 26 Januari ini terkilan apabila hajat untuk melakukan ibadat itu bersama ibu bapanya tidak kesampaian dan terpaksa ditunda.

"Segala persiapan sudah dibuat dua bulan lalu namun terpaksa ditangguh.

"Sedih itu tetap ada kerana sudah membuat persiapan namun terpaksa berserah dan jika ada rezeki sudah pasti dapat ke sana nanti," katanya.

Terdahulu, Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin Abu Bakar mengumumkan penangguhan sementara kebenaran perjalanan umrah bermula 8 Januari ini susulan peningkatan penularan varian Omicron dalam kalangan jemaah yang pulang dari Arab Saudi.

Khairy dipetik berkata, penilaian risiko situasi Covid-19 membabitkan varian itu di dalam dan luar negara khususnya di Arab Saudi akan dilakukan secara berkala bagi membuat keputusan untuk membenarkan semula aktiviti umrah.



PEKERJA kedai kelengkapan haji dan umrah menunjukkan set ihram yang akan digunakan jemaah.

Ibu tunggal reda demi kesihatan diri

Bachok: Penangguhan sementara kebenaran menunaikan umrah yang diumumkan kerajaan, kelmarin diterima seorang ibu tunggal lima anak dengan reda demi keselamatan dan kesihatan dirinya.

Asiah Mat Zain, 57, dari Kampung Jenerak Tawang di sini berkata pada mulanya dia berasa hiba dan tidak dapat melepaskan mata hingga menyebabkan tekanan darahnya meningkat.

Katanya, dari pagi hingga ke malam, dia memikirkan penangguhan itu dan akan menangis setiap kali ditanya orang.

"Anak-anak serta ahli keluarga memberi sokongan dan memujuk supaya saya bersabar dengan ujian itu kerana mempunyai banyak hikmah yang tersembunyi.

"Saya sepatutnya berlepas ke Makkah untuk menunaikan umrah dari 17 hingga 28 Januari ini dengan ditemani adik kandung, Raziah, 55.

"Namun, impian untuk ke Makkah terpaksa ditangguhkan kerana penularan wabak Covid-19. Walaupun ianya menyedihkan, saya reda demi keselamatan dan kesihatan diri memandangkan saya mempunyai beberapa penyakit termasuk darah tinggi, kencing manis dan saraf," katanya ketika ditemui di rumahnya di sini, semalam.

Menurutnya, dia sudah membuat persiapan bermula awal November lalu termasuk membeli barangan kelengkapan untuk ke Makkah.

Katanya, dia juga mengambil suntikan dos

penggalak Covid-19 sebagai persediaan menunaikan umrah serta menyelesaikan kursus umrah secara dalam talian.

"Sebagai mengetahui sempadan dibuka dan rakyat Malaysia dibenarkan menunaikan umrah, adik saya terus membuat bayaran pakej berjumlah lebih RM9,000.

"Saya teruja dan gembira untuk ke Makkah memandangkan ianya adalah kali pertama dan sudah dirancang lebih dua tahun lalu iaitu sebelum wabak Covid-19 melanda dunia. Selepas Covid-19 melanda, saya dan adik menangguhkan perjalanan.

"Namun, kali ini lebih sedih kerana saya sekali lagi perlu tangguhkan untuk ke Makkah kerana Covid-19 yang merebak. Saya berharap penangguhan ini hanyalah sementara dan dapat menunaikan umrah sebelum Aidilfitri. Impian saya juga untuk berpuasa di bulan Ramadan di Makkah," katanya.



"
Saya sepatutnya berlepas ke Makkah dari 17 hingga 28 Januari ini
Asiah

ASIAH sudah membuat persiapan bermula awal November lalu.

Orang ramai setuju tangguh umrah

Kuala Lumpur: Warganet bersetuju dengan penangguhan sementara kebenaran perjalanan menunaikan umrah yang akan bermula 8 Januari ini bagi mengekang penularan jangkitan Covid-19 varian Omicron.

Namun mereka mencadangkan supaya sekatan turut dikenakan terhadap individu yang ingin ke luar negara.

Menerusi Facebook Harian Metro, seorang warganet menggunakan nama Pahlawan Malaya berkata, tindakan itu amat bertepatan dengan situasi semasa jangkitan.

"Demi kesihatan dan supaya tidak memudarat-

kan (orang lain) lebih baik ditunda (umrah) untuk seketika," katanya.

Muhammad Salimi Abdul Hali pula berpendapat kerajaan perlu mencegah penularan jangkitan Covid-19 lebih awal.

"Terbaik tindakan, cegah sebelum terlambat," katanya.

Bagaimanapun pendapat berbeza dimuat naik Muhammad Aliff Hatim Norazam yang meminta kerajaan menyekat semua perjalanan ke luar negara.

"Sekali perjalanan ke semua luar negara, jangan sekat umrah sahaja.

"Perlu menyekat perjalanan selagi jangkitan Covid-19 tidak menurun," katanya.

Kelmarin, Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin dilaporkan berkata, kerajaan memutuskan untuk menangguhkan sementara kebenaran perjalanan umrah bermula 8 Januari ini.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : LOKAL

Perlahan penularan

Penangguhan umrah berdasarkan data semasa jangkitan Omicron

Bernama

Kuala Lumpur

Penangguhan sementara aktiviti umrah bertujuan memperlahankan penularan varian Omicron Covid-19 dalam negara kerana berdasarkan data hampir 78 peratus *presumptive* (jangkaan) Omicron baharu adalah daripada jemaah umrah, kata Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin.

Menerusi catatan di akaun Twiternya, beliau berkata, mengikut Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), *'presumptive'* Omicron, sudah 100 peratus disahkan Omicron melalui jujukan genom penuh.

"Penilaian risiko akan terus dilakukan. Buat masa ini Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tahu satu dos penggalak diperlukan.



KHAIRY

"Lebih dari itu kita (KKM) kaji dari semasa ke semasa bila data saintifik baharu muncul. Yang penting respons kita (KKM) ikut data yang baharu. Ini yang dimaksudkan respons yang *evidence-based*," katanya, semalam.

Kelmarin, Khairy mengumumkan kerajaan memutuskan untuk menangguhkan sementara kebenaran perjalanan mengerjakan ibadat umrah bermula 8 Januari ini bagi membendung

penularan varian Omicron Covid-19.

Penangguhan itu adalah susulan kebimbangan terhadap penularan varian berkenaan akibat ketidakpatuhan jemaah umrah kepada prosedur kuarantin kedua-masing yang menyebabkan berlakunya jangkitan dalam kalangan ahli keluarga mereka.

Khairy berkata, kebole-hjangan Omicron adalah lebih besar berbanding varian Delta dan jika *denominator* kes lebih besar, sudah pasti memasuki ke hospital dan unit rawatan rapi (ICU) lebih tinggi, justeru, KKM mahu mengelak sistem kesihatan negara menjadi lumpuh disebabkan varian ini, melalui strategi memperlahankan penularannya.

Beliau turut tidak menolak kemungkinan gelombang besar Omicron akan bermula di Malaysia seperti mana di negara-negara lain.

Beliau berkata, justeru liputan dos penggalak yang luas, pemakaian pelitup muka, pengudaraan yang baik, TRIIS atau *Test, Report, Isolate, Inform, Seek, MySJ* Trace dan kawalan pintu masuk antarabangsa, antara langkah memperlahankan penularan Omicron.

22,859,803 lengkap dua dos vaksinasi

Kuala Lumpur: Sebanyak 22,859,803 individu atau 97.7 peratus populasi dewasa di negara ini sudah lengkap menerima suntikan vaksin Covid-19 setakat jam 11.59 malam kelmarin.

Berdasarkan data Kementerian Kesihatan (KKM) melalui laman COVIDNOW, sebanyak 23,151,999 individu atau 98.9 peratus daripada golongan itu menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi populasi remaja berusia 12 hingga 17 tahun pula, sejumlah 87.6 peratus atau 2,756,306 sudah melengkapkan vaksinasi manakala 2,847,794 atau 90.5 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin Covid-19.

87.6%


Peratusan populasi remaja lengkap dua dos vaksin

Sementara itu, statistik harian menunjukkan sejumlah 40,729 dos vaksin diberikan kelmarin melibatkan 512 dos pertama, 754 dos lengkap dan 39,463 dos penggalak.

Perkembangan itu menjadikan jumlah kumulatif pemberian vaksin menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) meningkat kepada 57,745,456 dos dengan 6,329,155 daripadanya adalah dos penggalak. - Bernama

Sementara itu, Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah menerusi akaun Twitter beliau berkata, kadar kebolehjang-

kitan Covid-19 berdasarkan jangkauan mengikut kes sehari-hari pada 1 Januari untuk seluruh negara adalah 0.99.



KERAJAAN menangguhkan sementara kebenaran perjalanan mengerjakan ibadat umrah bermula 8 Januari bagi mencegah penularan Omicron.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NEGARA

Syarikat pengendali umrah cadang perketat SOP bukan sekat perjalanan

Kecewa tiada perbincangan dua hala

Oleh ALWANI ZAFIRAH KHAIRUL

KUALA LUMPUR - Syarikat pengendali pakej ibadah haji dan umrah, Andalusia Travel & Tours Sdn. Bhd. (Andalusia Travel) kesal kerana tiada perbincangan dibuat bersama agensi berkaitan berhubung penangguhan perjalanan bagi ibadah umrah bermula pada 8 Januari ini.

Pengarah dan Penasihat Undang-Undangnya, Ida Riswana Idris berkata, pihaknya berasa kecewa kerana penangguhan ibadah ke Tanah Suci itu dibuat tanpa perbincangan dua hala.

"Keputusan mengejut itu dianggap terburu-buru dan perlu dikaji semula berikutan implikasi kewangan besar yang bakal ditanggung bakal jemaah umrah dan agensi terlibat.

"Ekoran keputusan mendadak itu, kami bakal berdepan kerugian berjumlah RM6.5 juta. Hal ini memberi kesan kepada kewangan syarikat. Sejak kemarin, ada jemaah yang mahu membatalkan perjalanan umrah dan penerbangan ke sana," katanya pada sidang akhbar di pejabatnya di sini semalam.

Menurut Ida Riswana, seramai 8,000 bakal jemaah berdaftar dengan Andalusia Travel untuk mengerjakan ibadah umrah sehingga Syawal nanti.

Ekoran penangguhan per-



IDA RISWANA



KERATAN Kosmo! Ahad semalam.

jalanannya itu, jemaah menanggung kerugian RM2,000 hingga RM5,000 seorang bagi tiket kapal terbang dan penginapan.

"Kami menasihati jemaah agar tidak membuat keputusan secara melulu dan meminta mereka supaya bersabar," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau memberitahu, penangguhan sementara perjalanan ke Tanah Suci perlu diperluaskan kepada mereka yang pergi bersendirian



PIHAK agensi mendakwa mengalami kerugian jutaan ringgit ekoran arahan larangan sementara untuk menunaikan ibadah umrah bermula pada minggu hadapan.

tanpa melibatkan mana-mana agensi pelancongan sekiranya kerajaan mahu membendung wabak Covid-19 varian Omicron.

"Larangan ini tidak melibatkan pemegang visa pelancongan, jika mereka membuat persinggahan perjalanan melalui negara lain, adakah kerajaan mampu mengesan individu-individu tersebut?

"Andalusia menggesa kerajaan membuat langkah yang lebih baik bagi menangani penularan Covid-19 dalam kalangan jemaah. Sediakan prosedur operasi standard (SOP) yang lebih ketat bukannya sekat perjalanan mereka," katanya.

Beliau turut mencadangkan supaya disediakan penginapan dengan kos lebih murah kepada

jemaah yang menjalani kuarantin di stesen kuarantin atau hotel bagi mengelakkan terbeban.

Kosmo! semalam melaporkan, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar memaklumkan perjalanan untuk mengerjakan ibadah umrah ditangguh sementara mulai 8 Januari ini bagi membendung penularan varian Omicron.

'Jangan terlalu lama, buat keputusan berat sebelah'

IPOH - Penangguhan sementara ibadah umrah yang diumumkan kerajaan baru-baru ini diharapkan tidak mengambil masa yang lama sekiranya bertujuan untuk penyalaraan semula prosedur operasi standard (SOP) sedia ada.

Ketua Pegawai Operasi Ajaq Global Travel and Tours Sdn. Bhd. (Ajaq Global Tours), Abdul Jabbar Mohammed Kahar berkata, secara peribadinya beliau tidak mahu sebarang keputusan yang bersifat berat sebelah.

Menurut beliau, walaupun bertujuan untuk membendung penularan Covid-19, namun ketegasan sama perlu ditekankan untuk aktiviti pengembaraan selain umrah.

"Sekiranya penangguhan ini

untuk memperbetulkan SOP, kita memang amat mengalu-alukan kerana terdapat beberapa kecelaruan dalam soal penyelarasan seperti di lapangan terbang dan stesen kuarantin.

"Dalam soal pematuhan SOP sebenarnya jemaah umrah adalah kelompok pengembara yang paling patuh kepada arahan yang ditetapkan.

"Kita patuh semua arahan ditetapkan seperti mendapatkan dos penggalak, melakukan empat kali ujian calitan dan menjalani kuarantin wajib selama tujuh hari," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Walaupun bagaimanapun sebagai pihak yang mengendalikan urusan umrah, beliau tetap akur

dengan sebarang keputusan yang diputuskan kerajaan demi keselamatan semua jemaah.

Jelas Abdul Jabbar, ketika ini, pihaknya mempunyai kira-kira 200 jemaah umrah yang menunggu giliran untuk melaksanakan ibadah itu pada 17 dan 19 Januari serta 28 Februari depan.

"Jika berlaku penangguhan, bakal jemaah tidak perlu bimbang kerana kita mengadakan perbincangan dengan pihak Saudi Airlines dan pengendali hotel di Tanah Suci yang bersedia untuk melanjutkan tarikh.

"Pada masa sama kita berharap para jemaah kekal bertenang dan akan memaklumkan perkembangan dari semasa ke semasa," ujarnya.



KERAJAAN Malaysia membuat keputusan menangguhkan sementara perjalanan untuk menunaikan umrah bermula 8 Januari ini.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL



Penangguhan umrah bertujuan perlahankan Omicron - Khairy

KUALA LUMPUR - Penangguhan sementara aktiviti umrah bertujuan memperlambatkan penularan varian Omicron Covid-19 dalam negara kerana berdasarkan data hampir 78 peratus 'presumptive' (jangkaan) Omicron baharu adalah daripada jemaah umrah, kata Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar.

Menerusi catatan di akaun

Twitternya beliau berkata, mengikut Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), 'presumptive' Omicron, telah 100 peratus disahkan Omicron melalui jujukan genom penuh.

"Pemilaian risiko akan terus dilakukan," ciap beliau di Twitter.

Pada Sabtu, Khairy mengumumkan kerajaan memutuskan untuk menangguhkan sementara kebenaran perjalanan mengerjakan ibadah um-

rah bermula 8 Januari ini bagi membanding penularan varian Omicron Covid-19.

Penangguhan itu adalah susulan kebimbangan terhadap penularan varian berkenaan akibat ketidakpatuhan jemaah umrah kepada prosedur kuarantin kediaman masing-masing yang menyebabkan berlakunya jangkitan dalam kalangan ahli keluarga mereka.

Perhalusi keputusan tangguh ibadah umrah

SHAH ALAM

Rata-rata jemaah yang bakal menunaikan umrah dalam masa terdekat menyifatkan keputusan Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar menangguhkan ibadah tersebut bermula 8 Januari ini sebagai tindakan tergesa-gesa dan tidak adil.

Tinjauan *Sinar Harian* sekitar Lembah Klang pada Ahad mendapati, mereka terkejut dan terkilan dengan pengumuman pada Sabtu itu setelah mereka bersiap sedia untuk menjadi tetamu ALLAH SWT di Makkah tidak lama lagi.

Salah seorang bakal jemaah yang hanya mahu dikenali sebagai Hafiz berkata, hasrat membawa ibunya yang berusia 70 tahun itu mengerjakan ibadah umrah pada tahun ini tidak kesampaian walaupun sudah merancang sejak tahun 2018.

Dakwanya, keputusan dibuat oleh Khairy pada Sabtu itu mampu memberikan kesan jangka panjang yang buruk bukan sahaja kepada jemaah sendiri, tapi kepada agensi umrah yang baru ingin bernafas setelah sekian lama perniagaan terhenti.

"Kerajaan memberi arahan bersifat bolak-balik tanpa fikiran kesan kepada jemaah dan syarikat yang mengendalikan jemaah umrah."

"Saya masih boleh bersabar (tangguh umrah) kerana masih ada tenaga, tapi bagaimana pula dengan ibu saya yang saban tahun menghitung waktu ingin ke sana (Makkah)," katanya kepada *Sinar Harian*.

Bakal jemaah umrah, Wan Faizah Mohamad Yusof, 40, pula berkata, dia kecewa dengan keputusan kerajaan menangguhkan ibadah berkenaan secara drastik walaupun baru mengumumkan akan membuat penikatan tentang perkara tersebut beberapa hari lalu.

"Saya kecewa kerana terdapat



NORITA



SALMAH

diskriminasi untuk menjalankan ibadah, tapi tidak untuk perkara lain.

"Saya minta kerajaan terutama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) supaya memperhalusi keputusan yang dibuat supaya tidak menekan orang yang ingin beribadah," katanya yang terpaksa menangguhkan hasrat menunaikan umrah pertamanya.

Turut senada dengan Wan Faizah ialah Norita Sahir, 35, yang menandatangani agar sempadan negara terus ditutup bagi menghalang penyebaran virus Covid-19, di samping meminta layanan sama rata diberikan kepada pelancong dan jemaah umrah.

Dia yang ketika ini sedang hamil empat bulan ingin melaksanakan ibadah tersebut secepat mungkin sebelum kandungannya semakin membesar, namun terpaksa menerima keputusan penangguhan umrah itu dengan hati yang reda.

"Kita tidak tahu bila virus ini akan hilang sepenuhnya, tapi keputusan beliau sangat menekan kami sehingga tidak mampu berbuat apa-apa dan sedih sepanjang hari."

"Tutup sahaja sempadan negara supaya adil untuk semua orang," katanya.

Seorang lagi bakal jemaah, Salmah Hamid, 60, pula berkata, hasratnya menunaikan umrah bersama rakan-rakan terpaksa ditangguhkan sementara walaupun dia akan bertolak ke Makkah pada 10 Januari ini.

Walaupun dia menerima pengumuman tersebut atas dasar menghalang penularan virus Covid-19, namun tetap berasa kecewa dengan keputusan tersebut.

"Saya fikir bagus juga keputusan tersebut dibuat dalam keadaan penularan Covid-19 varian Omicron ini dibuat, tapi bila hati dah rasa nak ke sana (Makkah) dan dihalang, rasa kecewa," katanya dengan nada yang sedih.

Agensi pelancongan tanggung rugi besar

Implikasi apabila kerajaan memutuskan penangguhan perjalanan jemaah umrah bermula pada 8 Januari ini

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY

SHAH ALAM

Agensi pelancongan menanggung kerugian yang besar apabila kerajaan memutuskan untuk menangguhkan sementara kebenaran perjalanan umrah bermula pada 8 Januari ini.

Malah agensi pelancongan terbabit bakal berhadapan dengan tuntutan tribunal atau mahkamah sivil daripada bakal jemaah umrah bagi menuntut semula bayaran telah dibuat akibat penangguhan.

Ketua Pegawai Eksekutif POTO Travel & Tour Sdn Bhd, Ab Rahman Mohd Ali berkata, perniagaan mereka baru sahaja bermula setelah lama menghentikan operasi, namun kembali menerima tekanan.

"Keadaan ini memang sukar, sebenarnya kita berharap pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berbincang dengan kita atau persatuan secara lebih terperinci untuk melihat implikasi kerugian."

"Bila berlaku begini akan ada yang berusaha mengambil tindakan undang-undang un-



AB RAHMAN



MOHD AYUB

tuk menuntut wang mereka, jadi diharap apa sahaja kerugian ditanggung oleh jemaah dan agensi wajar diambil kira," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian*.

Sementara itu, Pengerusi Eksekutif YHA Travel & Tours (M) Sdn Bhd, Datuk Seri Mohd Ayub Hassan berkata, kos kerugian yang perlu ditanggung dianggarkan sebanyak RM200,000 hingga RM300,000.

"Nilai anggaran kerugian itu untuk bulan Januari dan membabitkan lebih kurang 30 jemaah yang membuat tempahan dan pembayaran," kata beliau.

Menurutnya, nilai kerugian akan menjadi semakin besar sekiranya membabitkan lebih ramai bakal jemaah umrah yang telah membuat tempahan dan pembayaran kepada agensi pelancongan.

Sehubungan itu, beliau meminta kerajaan mempertimbangkan semula keputusan untuk menangguhkan

perjalanan rakyat negara ini ke Arab Saudi untuk mengerjakan ibadah umrah.

Pada Jumaat, kerajaan memaklumkan untuk menangguhkan sementara kebenaran perjalanan mengerjakan ibadah umrah bermula 8 Januari bagi membanding penularan varian Omicron, susulan kebimbangan terhadap penularan akibat ketidakpatuhan jemaah umrah terhadap prosedur kuarantin di tempat kediaman.

Berikutan itu, Persatuan Pengendalian Pelancongan Bumiputera Malaysia memaklumkan anggaran kos kerugian perlu ditanggung jemaah yang telah berdaftar ekoran penundaan itu dianggarkan sebanyak RM210 juta.



Laporan Sinar Harian pada Ahad.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

'Buat masa ini, hanya satu dos penggalak'

Khairy memaklumkan, buat masa ini, hanya satu dos penggalak yang diperlukan untuk meningkatkan ketahanan penerima terhadap wabak Covid-19.



Khairy perjas pemberian lebih daripada satu dos penggalak akan dilaksanakan berdasarkan kajian dan respon

Oleh NUR IFTITAH ROZLAN


SHAH ALAM

Pemberian vaksin Covid-19 lebih daripada satu dos penggalak akan dilaksanakan berdasarkan kajian dan respon (*evidence-based*).

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, buat masa ini, hanya satu dos penggalak yang diperlukan untuk meningkatkan ketahanan penerima terhadap wabak Covid-19.

"Lebih dari itu, kita kaji dari masa ke masa bila data saintifik baharu muncul. Penting respon kita ikut data yang baharu. Ini yang dimaksudkan respon yang *'evidence-based'*," ciapnya di Twitter pada Ahad sebagai menjawab pertikaian seorang pengguna terhadap kajian Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk memberikan suntikan dos keempat.

Pada Sabtu, Khairy memak-



lumkan, kumpulan teknikal KKM sedang mengkaji keperluan memberikan suntikan dos penggalak keempat, susulan ancaman penularan jangkitan Omicron.

Khairy berkata, pihaknya mengambil maklum berhubung kajian yang mendapati pemberian dos penggalak Pfizer kepada penerima suntikan primer jenis Sino-vac tidak cukup bagi membendung jangkitan varian Omicron.

Tamabahu, vaksin Covid-19 telah dibangunkan sebelum kewujudan varian Delta atau Omicron. "SARS-CoV2 adalah novel Coronavirus yakni virus baharu yang pasti akan melalui mutasi. Apabila kita lebih tahu kesan mutasi, respon kita perlu juga berubah. Di sesetengah negara flu jab diambil setiap tahun," kata beliau.

Dalam pada itu, Khairy tu-

rut memaklumkan negara ini berkemungkinan besar akan menghadapi gelombang varian Omicron sepertimana negara-negara lain.

Justeru, katanya, antara langkah untuk memperlahankan penularan varian Omicron adalah dengan liputan dos penggalak yang luas, pemakaian pelitup muka pengudaraan yang baik dan amalan TRIIS (lakukan uji, lapor, asingkan, maklumkan, dapatkan rawatan segera).

"Selain itu, ciri baharu 'MySI Trace' dan kawalan pintu masuk antarabangsa juga antara langkah untuk memperlahankan varian tersebut.

"Ada yang rujuk data kesan Omicron tidak seteruk Delta, nampak begitu. Tetapi kebolehjangkitan Omicron lebih tinggi berbanding Delta.

"Jika denominator kes lebih besar, sudah pasti kemasukan hospital atau unit rawatan rapi (ICU) akan meningkat. KKM mahu elak sistem kesihatan awam lumpuh," kata beliau.

172 kes jangkitan VOC dikesan

KUALA LUMPUR

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesan 172 kes jangkitan membabitkan varian membimbangkan (VOC) dalam tempoh 25 Disember lalu sehingga Ahad.

Daripada jumlah itu, 170 kes membabitkan varian Delta, manakala dua kes varian Omicron.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang dijangkiti oleh virus SARS-CoV-2 yang dikategorikan sebagai VOC dan varian mendapat perhatian (VOI) adalah sebanyak 5,480 kes.

Menurutnya, daripada jumlah yang dikesan tersebut, 5,460 kes adalah VOC, manakala 20 kes adalah VOI.

"Pusat Penyelidikan dan Pendidikan Penyakit Berjangkit Tropika (TIDREC) telah mengenal pasti 107 kes baharu yang kesemuanya adalah varian Delta, manakala Institut Farmakogenomik Integratif (iPROMISE) telah mengenal pasti 40 kes baharu yang kesemuanya adalah varian Delta.

"Sebanyak 23 kes baharu yang kesemuanya adalah varian Delta telah dikesan Institut Biologi Molekul Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UMBI), sementara Institut Kesihatan dan Perubatan Komuniti, Universiti Malaysia Sarawak (IHCM-UNIMAS) telah mengenal pasti dua kes baharu



DR NOOR HISHAM

yang kedua-duanya adalah varian Omicron," katanya dalam kenyataan pada Ahad.

Dr Noor Hisham berkata, secara keseluruhannya sehingga kini, bagi VOC sebanyak 5,151 kes varian Delta, diikuti 233 kes varian Beta; 64 kes varian Omicron dan 14 kes varian Alpha.

"Bagi kes-kes VOI, terdapat sebanyak 13 kes varian Theta, empat kes varian Kappa dan tiga kes varian Eta," katanya.

Sementara itu, Dr Noor Hisham memaklumkan jumlah kes baharu Covid-19 di negara ini pada Ahad menurun kepada 2,882 kes, berbanding 3,386 kes dicatatkan pada Sabtu.

Katanya, angka baharu itu menjadikan jumlah kumulatif kes kini berjumlah 2,764,354 kes manakala kes sembuh pula berjumlah 3,291 kes.

Menurutnya, daripada 2,882 kes harian yang dilaporkan, 49 kes (1.7 peratus) adalah kategori 3, 4, dan 5 dan 2,833 kes (98.3 peratus) lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2.

"Sejumlah 284 kes memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 191 kes disahkan Covid-19 manakala 93 kes lagi disyaki, kemungkinan dan kes dalam siasatan).

"Bagi yang memerlukan bantuan pernafasan pula, sebanyak 156 kes dengan 82 kes disahkan Covid-19 sementara 74 kes lagi disyaki, kemungkinan dan kes dalam siasatan," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : DALAM NEGERI

Umrah tangguh demi nyawa

Oleh OMAR ZIN
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Keputusan kerajaan menangguhkan perjalanan umrah ke Arab Saudi dibuat berdasarkan kepada data dan statistik kes semasa semamata, demi melindungi nyawa rakyat Malaysia.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin berkata, data terkini diperoleh oleh Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) yang telah menjalankan ujian ke atas 1,077 sampel kes positif Covid-19 dalam kalangan pengembara dari 21 hingga 29 Disember 2021.

Katanya, hasilnya sebanyak 956 daripadanya menunjukkan kemungkinan varian Omicron dan kini menunggu keputusan ujian jujukan genom penuh



KHAIRY JAMALUDDIN

(whole genomic sequencing).

"Daripada sampel tersebut, 750 atau 78 peratus melibatkan sampel pengembara yang tiba dari Arab Saudi. Sebab itu, kerajaan bersetuju menangguhkan

sementara kebenaran perjalanan umrah seperti mana saya umumkan bermula 8 Januari.

"Jadi, apabila dikemukakan data tersebut, saya minta adakan mesyuarat kuartet khas tergepam semalam, sebab bila berdepan maklumat seperti ini, kita tidak boleh duduk diam, kita kena melaksanakan sesuatu dengan pantas, saya mesti melaksanakan tugas berdasarkan pada statistik dan data yang dikemukakan.

"Tidak ada mana-mana menteri beragama Islam yang nak tangguhkan ibadah umrah, tetapi ini perkara serius; ini bukan ciapan di media sosial, ini bukan video di TikTok, ini melibatkan nyawa anda," katanya.

Justeru, katanya, penilaian risiko situasi Covid-19 varian Omicron dalam dan luar negara

khususnya di Arab Saudi akan dilakukan secara berkala sebelum membuat keputusan untuk membenarkan semula aktiviti umrah.

"Penangguhan sementara aktiviti umrah ini dijangka dapat membantu mengurangkan risiko penularan Omicron dalam negara dan memperlahankan peningkatan kes Covid-19, ini adalah langkah pencegahan.

"Apa yang kita tahu, akan datang gelombang Omicron, di Amerika Syarikat hampir setengah juta kes harian, di United Kingdom hampir 200,000 kes harian dan gelombang ini satu perkara yang nyata, yang akan tiba di semua negara. Apa yang kita dapat buat adalah langkah pencegahan bagi memperlahankan gelombang ini daripada melanda negara kita," katanya.

Dos keempat belum mendesak - Pakar

PETALING JAYA: Kerajaan perlu melengkapkan terlebih dahulu pemberian vaksin penggalak ketiga dan vaksinasi kanak-kanak berumur lima hingga 11 tahun sebelum memikirkan dos keempat yang keperluannya belum mendesak dalam mengekang penularan Covid-19.

Malah, kawalan dan pengurusan sistem kesihatan awam pasca banjir kepada mangsa yang terjejas juga perlu diberikan perhatian.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pakar Kesihatan Komuniti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr. Sharifa Ezat Wan Puteh berkata, beliau tidak menolak kebimbangan mengenai varian Omicron terutamanya dalam kalangan mereka yang pulang dari mengerjakan umrah.

Bagaimanapun katanya, peruntukan kewangan untuk keperluan pemberian dos penggalak keempat itu sepatutnya boleh digunakan untuk memantapkan keperluan perkara lain.

"Tak dinafikan dos penggalak keempat memang bagus, tetapi bukan sekarang. Contohnya Israel sudah bermula untuk pemberian dos penggalak keempat



PAKAR kesihatan mencadangkan supaya kerajaan mengutamakan kesihatan awam dalam pasca banjir dan melengkapkan dos ketiga penggalak pada masa ini. - UTUSAN/SYAWAL ROSLI

buat petugas barisan hadapan dan warga emasnya.

"Namun isunya, pemberian dos penggalak ketiga di Israel sudah tinggi dan mungkin ada keperluan untuk dos penggalak keempat, tetapi di Malaysia, pemberian dos penggalak ketiga kepada mereka yang layak pun

belum selesai lagi," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*, semalam.

Kelmarin, media melaporkan, kumpulan teknikal Kementerian Kesihatan sedang mengkaji keperluan memberikan suntikan dos penggalak keempat bagi menyekat penularan Covid-19.

Menterinya, Khairy Jamaluddin berkata, ini kerana pihaknya mengambil maklum berhubung kajian mengenai pemberian dos penggalak Pfizer kepada penerima suntikan primer jenis Sinovac tidak mencukupi dalam membendung penularan varian Omicron.

Selain itu, Dr. Sharifa Ezat berkata, pemberian vaksinasi dalam kalangan golongan kanak-kanak berumur 5 hingga 11 tahun yang belum menerima sebarang vaksinasi juga perlu dilihat.

Katanya, ini kerana negara dilihat seperti tidak mengambil berat terhadap risiko Covid-19 kepada kanak-kanak, walhal terdapat juga kes kematian Covid-19 melibatkan kanak-kanak.

"Jadi kerajaan kena tumpukan, buat kajian kesan sampingan yang mungkin ada dan pastikan ada panduan untuk merawat kanak-kanak berbanding memikirkan dos penggalak keempat.

"Ini kerana kanak-kanak pun bukan tahu apa kesan sampingan yang mereka ada semasa menerima rawatan selepas pemberian vaksinasi, jadi penting panduan itu," ujarnya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NEWS / NATION

6 | NEWS / Nation

RISING INFECTIVITY RATE

ODDS-ON TO BECOME
OMICRON HOTSPOT

Ministry must curb spread so it will not cause healthcare system to collapse, says Khairy

MOHAMED BASYIR
AND DAWN CHAN
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

MALAYSIA has the likelihood of joining the long list of countries hit badly by the more transmissible Covid-19 Omicron variant.

Health Minister Khairy Jamaluddin said via Twitter that this was a high possibility and according to the Institute for

Medical Research (IMR), the "presumptive" Omicron cases were usually 100 per cent confirmed Omicron after full genome sequencing.

He also said the temporary suspension of the umrah was to slow down the spread of the infectious variant as data showed that almost 78 per cent of the "presumptive" cases were from those returning from the pilgrimage.

"Risk assessment will continue. For now, we (Health Ministry) know a dose of the booster shot is needed.

"Most important is our response based on the new data. This is what is meant by an evidence-based response," he said.

Khairy also quoted the tweet earlier by Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah that the country's Covid-19 infectivity rate (Rt) had risen to 0.99 on Saturday.

"A wider booster shot coverage, wearing face masks, good ventilation, #TRIS, MySJ Trace, and international border control are among the ways to slow down the spread of Omicron.

"Some refer to data that say Omicron is not as bad as Delta. It seems that way, but Omicron is more transmissible than Delta. If the case denominator is larger, definitely the hospitalisation and ICU admissions will increase.

"The Health Ministry wants to avoid the collapse of the healthcare system," said Khairy.

The minister stressed that the sensible strategy was to curb the spread of the Omicron variant.

The infectivity rate of the country had been rising steadily since Dec 26. Up to Dec 31, Malaysia had detected 64 Covid-19 cases of the Omicron variant. Sixty-three of the cases were imported while one was a suspected local case.



Health Minister Khairy Jamaluddin and Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah at a press conference in Parliament on New Year's Day. BERNAMA PIC

Dr Noor Hisham had earlier tweeted that the country's infectivity rate (Rt) of 0.99 was inching closer to the 1.0 mark.

He said the state with the highest Rt was Kelantan at 0.99, followed by Johor at 0.98.

The infectivity rate in Kedah and Terengganu was 0.97; Sabah at 0.96; Perak at 0.94; Penang, Melaka and Pahang at 0.93; Putrajaya at 0.92; and, Kuala Lumpur and Negri Sembilan at 0.9.

Selangor recorded an Rt of 0.89, Perlis at 0.86 and Labuan at 0.8. The lowest was Sarawak at 0.76.

On daily cases, Dr Noor Hisham said figures were on a downward trend with 2,882 positive cases reported up to noon yesterday.

He said the new infections

showed a marked dip from Saturday's 3,386 cases and Friday's 3,573 cases. This, he said brought the total cases to 2,764,354.

Meanwhile, according to CovidNow and Github, the pandemic had claimed another 26 lives on Saturday, which raised the nationwide death toll to 31,513. Three of the fatalities were brought-in-dead (BID) cases.

The highest fatality was recorded in Kuala Lumpur with seven deaths, followed by Selangor with four deaths.

In the past two weeks, the Covid-19 deaths reported nationwide was 10 per million people, and Terengganu had the highest figure at 28 deaths per million people.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NATION

MOH increasing vigilance to fight Omicron wave

PETALING JAYA: There is a high possibility of an Omicron wave hitting Malaysia, just like what other countries are experiencing, says Khairy Jamaluddin.

To help contain the transmission of the highly infectious Covid-19 variant, the Health Minister said key measures have been put in place, such as providing extensive booster dose coverage, requiring

face masks, ensuring good ventilation, implementing TRIIS (test, report, isolate, inform and seek), activating the MySejahtera Trace system and imposing tighter controls at international entry points.

Although some may argue that Omicron is less severe than the Delta variant, Khairy said Omicron was more infectious and would still strain the health system and facili-

ties if infections increase.

"Like other countries, it is very likely that the Omicron wave will start in Malaysia.

"Extensive booster dose coverage, face masks, good ventilation, #TRIIS, MySJ Trace and international gateway control are among the measures to slow Omicron."

He said that some had pointed out that the Omicron impact data

was not as severe as that of Delta.

"It looks like that. But the infectiousness of Omicron is higher than Delta. If the case denominator is larger, definitely hospitalisation and ICU (intensive care unit) use will go up," he said.

In a series of tweets yesterday, he said the ministry wanted to avoid crippling the public health system.

"Strategy: slow down Omicron,"

he posted.

Khairy tweeted this in relation to Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah declaring that the national infectivity rate of Covid-19 on Jan 1 stood at 0.99, an increase from 0.98 from the day before.

As at Dec 31, 2021 Malaysia recorded a total of 64 confirmed cases of the Omicron variant.

AKHBAR : THE SUN ON MONDAY

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Umrah suspension necessary: Khairy

► Move taken over concerns on alarming number of Omicron infections among returning pilgrims

KUALA LUMPUR: The temporary suspension of travel to perform the umrah is to curb the spread of the Omicron variant of Covid-19 as data obtained showed that almost 78% of "presumptive" cases involving the new strain were from those returning from such pilgrimage, said Health Minister Khairy Jamaluddin.

In a tweet yesterday, he said according to the Institute for Medical Research, presumptive Omicron cases are confirmed through a full genome sequence test.

"Risk assessment will continue to be carried out. For now, we (Health Ministry) know a dose of the booster shot is needed. Most important is our

response based on the new data. This is what is meant by an evidence-based response."

He added that the transmissibility of Omicron was greater than the Delta variant and if the case denominator was larger, there would be higher admissions to hospitals and intensive care units, Bernama reported.

Khairy said the Health Ministry aims to curb the spread of Omicron to prevent the health system from being overwhelmed, adding that he does not rule out the possibility of a big wave of Omicron cases in Malaysia, as had happened in other countries.

He said as such, wide booster dose

coverage, wearing of face masks, good ventilation, practising of TRIPS (test, report, isolate, inform and seek), using the MySJ Trace app and international gateway control are among the measures to slow the spread of Omicron.

Meanwhile, Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah tweeted that the Covid-19 infection rate based on expectations according to daily cases on Jan 1 for the whole country was 0.99.

On Saturday, Khairy announced that the government had temporarily suspended travel to perform the umrah starting Jan 8 to curb the spread of Omicron.

The suspension was implemented over concerns on the spread of the variant due to non-compliance by pilgrims with home-quarantine procedures, resulting in infections among their family members.